

Mahkamah batal empat pertuduhan Muhyiddin

**Bekas PM8
sifatkan tuduhan
rasuah RM232.5j
bermotif politik**

**Oleh Zanariah Abd Mutalib dan
Faris Fuad**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan, empat tuduhan mengguna kedudukan sebagai Perdana Menteri kelapan (PM8) bagi mendapatkan rasuah berjumlah RM232.5 juta untuk parti BERSATU yang dikenakan terhadapnya adalah bermotifkan politik

Beliau yang juga Presiden BERSATU, menegaskan pertuduhan yang salah dan tidak mengikut undang-undang itu, menjadi faktor permohonannya membatalkan empat tuduhan terbabit dibenarkan Mahkamah Tinggi semalam.

“Dari awal lagi, saya rasa pertuduhan itu bermotif politik. Saya tak lakukan apa-apa kesalahan mengikut undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Ini dibuktikan mengikut keputusan dibuat hakim. Saya terus bekerja menjelaskan kepada khalayak umum bahawa pertuduhan dibuat pihak tertentu untuk aniaya saya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di lobi Kompleks Mahkamah di sini, sejurus di-



Muhyiddin bersama penyokong selepas dibebaskan dan dilepaskan daripada empat tuduhan oleh Mahkamah Tinggi, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

bebas dan dilepaskan daripada empat tuduhan itu oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Muhyiddin berkata, pasukan peguamnya membentangkan pembelaan mengikut undang-undang yang dilihatnya tepat dan berkesan.

“Hakim mendapati pembentangan itu kukuh dan ada asas kuat. Ini satu penyalahgunaan proses mahkamah.

“Hakim setuju akan terus menegakkan keadilan dan menentang kemungkaran, bagi kita semangat tinggi untuk terus berjuang menentang kezaliman, salah guna kuasa serta rasuah,” katanya.

Susulan keputusan Mahkamah Tinggi itu juga, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, mendesak Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun, me-

nyemak dan mengkaji semula semua pendakwaan yang dikatakan terpilih terhadap pimpinan BERSATU dan Perikatan Nasional (PN) bagi tujuan ditarik balik.

Salah guna proses mahkamah

Hamzah yang juga Setiausaha Agung PN, menegaskan Mahkamah Tinggi semalam bukan saja memutuskan pertuduhan ke atas Muhyiddin sebagai cacat, tidak berasas, kabur serta tidak selaras Kanun Tatacara Jenayah, malah adalah kesalahan penggunaan proses mahkamah.

“Kebenaran akhirnya berpihak kepada Tan Sri Muhyiddin. Kezaliman dan dendam politik kesumat kerajaan Pakatan Harapan (PH)-Barisan Nasional (BN) yang sengaja mencipta fitnah, mengada-adakan pertu-

han serta menyalahgunakan kuasa bagi mendakwa pemimpin PN terbukti di mahkamah hari ini.

“Dengan kezaliman ini, referendum rakyat yang ditunjukkan dalam keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) enam negeri pada Sabtu lalu perlu diterjemahkan dengan menolak kerajaan PH-BN pimpinan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim ini,” katanya.

Selain Muhyiddin, beberapa lagi pemimpin PN ketika ini sedang berdepan pertuduhan di mahkamah, termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor, yang didakwa atas dua tuduhan mengeluarkan kata-kata menghasut berhubung isu pelantikan Menteri Besar Selangor dan berhubung penubuhan Kerajaan Perpaduan dalam satu ceramah politik pada bulan lalu.